

1. YBHG. DATO' PROF. IR. DR. AHMAD FARHAN BIN MOHD  
SADULLAH, NAIB CANSOLOR, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA.
  2. YBRS. ENCIK MOHAMAD SABRIE BIN MOHAMAD SALLEH, AHLI  
LEMBAGA PENGARAH UPM
  3. YBHG. PROF. DR. ZAMBERI BIN SEKAWI, TIMBALAN NAIB  
CANSOLOR PENYELIDIKAN DAN INOVASI
  4. YBRS. PUAN. HJH. IZARIAHWATI BINTI MOHD ISA, BURSAR
  5. PROF. DR. SHAHRUL RAZID BIN SARBINI  
PENGARAH, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU  
(DARI ATAS TALIAN)
  6. YBRS. PUAN IR. MAZNAH BINTI SAHRAN, PENGARAH, PEJABAT  
PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ASET
- PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI SERTA HADIRIN HADIRAT  
YANG DIKASIHI.

## **UCAPAN ALUAN NAIB CANCELOR**

### **Program PUTRA Fundraising Formula Masterclass 1.0**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam sejahtera dan salam UPM Gemilang.

Yang Berusaha Tuan/Puan Pengerusi Majlis,

Para penceramah jemputan,

ahli Lembaga Pengarah universiti,

barisan pengurusan universiti,

Warga UPM yang saya kasihi,

Serta hadirin sekalian yang dihormati.

Pertama sekali, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat bersama-sama dalam program PUTRA Fundraising Formula Masterclass 1.0 pada hari yang penuh bermakna ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur, khususnya Bahagian Endowmen, Derma dan Sumbangan (BEDS), Pejabat Naib Canselor, atas inisiatif menganjurkan program ini yang amat signifikan kepada universiti kita.

Hadirin sekalian,

Sebagaimana kita maklum, landskap pendidikan tinggi kini semakin mencabar. Kebergantungan mutlak kepada pembiayaan kerajaan tidak lagi mencukupi untuk memastikan kelestarian dan kecemerlangan institusi. Oleh itu, universiti perlu bergerak ke arah kelestarian kewangan melalui strategi pengumpulan dana yang mampan dan inovatif.

PUTRA Fundraising Formula Masterclass 1.0 merupakan satu langkah strategik untuk memperkasa pengetahuan dan kemahiran kita dalam aspek ini. Ia bukan sekadar sesi pembangunan kapasiti, tetapi sebuah platform penting untuk membina budaya filantropi

dan semangat memberi semula (giving back), terutamanya dalam kalangan warga kerja, rakan strategik dan alumni universiti. Ini bukan tugas yang boleh diselesaikan dalam sehari tetapi memerlukan pembinaan budaya fundraising (pengumpulan dana) yang perlu dipupuk dalam setiap warga kerja universiti. Salah faham paling kerap tentang Fundraising ialah Fundraising bukanlah kerjanya meminta wang daripada penyumbang tetapi adalah khidmat menawarkan penyelesaian kepada penyumbang.

PUTRA Fundraising Formula Masterclass 1.0 sebenarnya mempunyai serampang dua mata atau *"to kill two birds with one stone"*.

Hadirin sekalian,

Perasankah sidang hadirin yang dihormati, program ini tidak menjanjikan sebarang mata CPD? Agaknya kenapa program yang signifikan seperti ini pada hari ini tidak diberikan mata CPD?

Juga, sidang hadirin sekalian sebelum mendaftar untuk menyertai program ini telah menjawab satu survey yang dikeluarkan oleh BEDS-PNC tidak lama dahulu, dan salah satu soalan yang ditanya ialah kesanggupan hadirin sekalian untuk membayar yuran antara RM10-20 seorang untuk menghadiri mesterclass fundraising. Mengapakah soalan tersebut ditanya?

Hadirin sekalian,

Seperti yang saya sebutkan sebentar tadi, pembinaan budaya fundraising tidak dapat dibina dalam sehari, apatah lagi dengan menggunakan kepakaran dan keupayaan pihak ketiga. Serampang Mata Kedua program PUTRA Fundraising Formula Masterclass ini ialah kita hendak membangunkan kepakaran dalaman kita sendiri dalam fundraising melalui para hadirin yang telah dipilih untuk menyertai program ini pada hari ini. Kerana itu, mata CPD tidak dijanjikan dan mereka yang sanggup untuk membelanjakan duit sendiri membayar yuran penyertaan sesi seperti ini adalah antara kriteria tersirat yang sengaja direka kerana kita mahu menerima pendaftaran daripada mereka yang benar-benar ingin mempelajari bidang keilmuan ini.

Hadirin sekalian,

Untuk membina kapasiti dalaman warga kerja UPM dalam bidang fundraising ini memerlukan kerangka pembangunan kapasiti yang tersusun, berpusat dan lestari. Juga, dengan bantuan warga kerja kita yang pakar dalam pembangunan kapasiti seperti ini, tiadalah masa yang paling sesuai untuk kita memulakan usaha murni bertunaskan legasi abadi ini melainkan sekarang!

Kita sudah semakin cekap menguruskan pendanaan dari sumber derma, endowmen, wakaf dan zakat, namun kita perlu membina keupayaan mengisi dana-dana tersebut melalui pemantapan aktiviti fundraising secara berpusat, tersusun dan beretika.

Akhir kata, saya berharap para peserta dapat memanfaatkan peluang ini sebaiknya dengan bertanya sebarang soalan kepada penceramah-penceramah pakar yang kita bawakan khas bagi tujuan ini. Jadikanlah ilmu yang diperolehi hari ini sebagai pencetus kepada tindakan-tindakan proaktif yang mampu membawa perubahan besar kepada UPM. Bersama-sama, kita jayakan agenda pengumpulan dana untuk merealisasikan visi universiti sebagai institusi pendidikan tinggi yang unggul dan lestari.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.